

**KENYATAAN RASMI S.S. TAN SRI DATO' SERI (DR.) HAJI HARUSSANI BIN  
HAJI ZAKARIA, MUFTI NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN**

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته،

Saya telah menerima surat permohonan dari Jawatankuasa Induk Dan Aturcara Program World Syahadah Council bagi mengadakan Majlis Sambutan Nuzul Al-Quran dan Majlis Berbuka Puasa Ramadhan 1438H sempena Mesyuarat Mingguan World Syahadah Council.

Setelah dibuat penelitian terhadap permohonan tersebut, maka saya mendapati bahawa penganjuran program tersebut seperti yang telah dirancang adalah melibatkan seorang individu iaitu Syeikh Dr. Ismail Hj. Kasim (No. K/P : 660616-12-5009) sebagai salah seorang yang akan memberi pengisian di dalam majlis tersebut. Beliau juga didapati merupakan panel penasihat World Syahadah Council.

Berdasarkan keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia kali ke 109, bertarikh 18-19 Oktober 2016 seperti berikut:

**“Muzakarah memutuskan pandangan hukum bahawa Ilmu Syahadah (Ilmu Penyaksian), Zikir Nafas dan lain-lain yang berkaitan dengan kedua-duanya yang diajar oleh Ismail bin Kassim dari Pertubuhan Rahmatan Lil Alamin (PERAHMAT) dan seumpamanya adalah menyelewang dan bertentangan dengan ajaran Islam berdasarkan akidah Ahli Sunnah wal-Jamaah”.**

Saya juga mendapati bahawa ajarannya bertentangan dengan Akidah Ahli Sunnah wal-Jamaah sepertimana yang diputuskan oleh Badan-badan Berautoriti / Jawatankuasa Fatwa Negeri-negeri yang lain.

Sehubungan itu, saya menarik semula sokongan ke atas penganjuran International Syahadah Conference 2017 dan tidak menyokong permohonan bagi mengadakan Majlis Sambutan Nuzul Quran dan Majlis Berbuka Puasa Ramadhan 1438H sempena Mesyuarat Mingguan World Syahadah Council.

Sekian.

**TAN SRI DATO' SERI (DR.) HAJI HARUSSANI BIN HAJI ZAKARIA**  
Mufti Negeri Perak Darul Ridzuan.